

Bil. S 31

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA

(PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan), 2003.

Pindaan bab 13 dari Penggal 167.

2. Bab 13 dari Akta Tabung Amanah Pekerja adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian-ceraiian (1) dan (2) dan menggantikannya dengan 2 ceraiian baru yang berikut —

"(1) Akaun-akaun Tabung hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga,

yang akan mengemukakan suatu laporan mengenainya kepada Lembaga.

(2) Jika akaun-akaun Tabung telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b) ceraiian (1), laporan yang dikemukakan di bawah ceraiian itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum laporan itu dikemukakan kepada Lembaga menurut ceraiian (1).".

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM